

Headline	Matrade perkenal seni bina peringkat global	Language	Malay
Date	01 Jul 2010	Page No	N17
MediaTitle	Sinar Harian	Article Size	255 cm ²
Section	Bisnes	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	1,403
Frequency	Daily	PRValue	4,208
Circ / Read	60,000 /		



Matrade perkenal seni bina peringkat global

Gunakan pameran sebagai platform utama

SALWANI MD ZAIN

PERBADANAN Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) bergandingan bersama Pertubuhan Arkitek Malaysia (Pam) menyertai pameran perkhidmatan seni bina selaras memberi penjenamaan kepada syarikat yang terlibat dalam perkhidmatan seni bina negara di peringkat global.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Noharuddin Nordin berkata, pameran itu menghimpunkan 21 buah syarikat dalam industri seni bina bersama model pembinaan bangunan masing-masing.

"Matrade menyediakan RM200,000 untuk tujuan promosi, dan kos untuk tapak pameran," katanya pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

Menurutnya, dianggarkan lebih 50 peserta akan hadir dalam pameran itu yang dijadualkan berlangsung pada 26 Ogos 2010 hingga 21 November 2010, di La Biennale Di Venezia, Venice, Itali.

Katanya, pameran itu adalah penyertaan pertama bahagian seni bina membuat pameran di luar negara akan menjadi signifikan industri seni bina negara.

"Pameran itu akan bertindak sebagai platform untuk membina



● Noharudin (dua dari kiri) ketika melihat model binaan yang akan dibawa ke pameran di La Biennale Di Venezia, Venice, Itali Ogos depan.

jaringan perniagaan yang lebih meluas terutama pelanggan di luar negara," katanya.

Noharuddin berkata, jempukan daripada penganjur menunjukkan reka bentuk seni bina Malaysia juga berkualiti dan kini terbukti apabila syarikat seni bina Malaysia terlibat secara langsung mereka cipta projek-projek luar negara meliputi reka bina

tempat peranginan, perumahan dan menara komersial.

"Salah satu projek yang disediakan syarikat tempatan pernah mencecah RM600,000 dan telah siap tahun lepas.

Beliau berkata, antara projek mega itu adalah Burj Al Alam, di Dubai, Abu Dhabi, Iran, Karachi, Vietnam, Singapura dan beberapa negara timur tengah lain.